



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 15 NOVEMBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	LIMA BOT GUNA PUKAT TUNDA TIDAK BERLESEN DISITA, SH -ONLINE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	MALAYSIA RANCANG JADIKAN PERU PINTU MASUK PRODUK HALAL KE AMERIKA LATIN, BH -ONLINE	INSTITUT PENYELIDIKAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
3.	MALAYSIA MAHU PERU JADI PINTU MASUK PRODUK HALAL MALAYSIA KE PASARAN AMERIKA LATIN, BULETIN TV3 -ONLIE	
4.	MALAYSIA HARAP DAPAT MENYUMBANG BAGI PEMBANGUNAN INFRA PELABUHAN CHANCAY, PERU -PM ANWAR, BERNAMA -ONLINE	
5.	ANWAR: MALAYSIA PLANS TO MAKE PERU HALAL PRODUCT GATEWAY IN LATIN AMERICA, NST -ONLINE	
6.	DARI HOBI, TANAMAN BETIK KINI JADI SUMBER PENDAPATAN, DALAM NEGERI, UM -30	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/11/2024	SINAR HARIAN	ONLINE	

Lima bot guna pukat tunda tidak berlesen disita



Sebahagian bot zon A yang disita Jabatan Perikanan Selangor di Jeti Bagan Sungai Burung, Sungai Besar pada Khamis.

SABAK BERNAM - Jabatan Perikanan Selangor menyita lima bot zon A dan peralatan menangkap ikan jenis pukat tunda bernilai RM100,000.

Pengarah Jabatan Perikanan Selangor, Noraisyah Abu Bakar berkata, semua bot itu ditahan dalam operasi khas di Jeti Bagan Sungai Burung, Sungai Besar di sini pada Khamis.

Menurut beliau, operasi secara bersepadu yang bermula jam 8 pagi turut disertai Polis Marin dan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sabak Bernam.

"Operasi ini dijalankan bagi mengesan bot zon A yang melakukan kesalahan dengan menggunakan pukat tunda yang tidak berlesen.

"Bot nelayan kelas A sepatutnya menggunakan pukat hanyut dan bukannya pukat tunda yang menjejaskan ekosistem marin," katanya ketika ditemui selepas operasi itu pada Khamis.

Noraisyah berkata, operasi itu tidak membabitkan sebarang tangkapan berikutan tiada nelayan mengaku sebagai pemilik bot terbabit.

Jelas beliau, kegiatan bot A menggunakan pukat tunda di kawasan pesisiran pantai tidak pernah dilesenkan dan beroperasi secara haram.



Pegawai dan anggota Jabatan Perikanan Selangor dan Polis Marin menunjukkan bot zon A yang disita dalam operasi berkenaan.

Ujar beliau, hasil risikan mendapati, aktiviti menggunakan pukat tunda dikesan dilakukan nelayan sejak awal tahun ini.

"Penggunaan pukat tunda mengganggu kelestarian sumber perikanan.

"Semua bot yang disita itu dibawa ke Pusat Tahanan Vessel Kuala Selangor dan siasatan kes untuk tindakan lanjut di bawah Seksyen 8 (a) Akta Perikanan 1985," tegas beliau.

Sehubungan itu, katanya, pihaknya tidak teragak-agak mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang tidak mematuhi undang-undang yang ditetapkan.

"Kita berharap segala peraturan ini sentiasa dipatuhi semua pihak bagi memastikan sumber perikanan dapat diurus secara baik," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/11/2024	BERITA HARIAN	ONLINE	

Malaysia rancang jadikan Peru pintu masuk produk halal ke Amerika Latin



LIMA (PERU), Nov 14 -- Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim during a Bilateral Meeting with President of Peru Dina Ercilia Boluarte Zegarra in Tupac Amaru Hall at the Government Palace here today.

LIMA, PERU: Malaysia menyatakan komitmen untuk mengukuhkan hubungan ekonomi dengan Peru, termasuk usaha membangunkan Pelabuhan Chancay sebagai laluan strategik untuk produk halal Malaysia menembusi pasaran Amerika Latin.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang sedang dalam lawatan rasmi sempena Mesyuarat Pemimpin Ekonomi APEC (AELM) Ke-31 di sini, menjelaskan bahawa Malaysia melihat potensi besar dalam membangunkan ekosistem halal di Peru.

Ini bukan sahaja sebagai strategi perdagangan, tetapi juga peluang untuk memperluas kerjasama di rantau yang semakin menerima produk berasaskan halal.

"Peru memiliki kedudukan geografi yang strategik sebagai pintu masuk utama ke Amerika Latin. Dengan pembangunan infrastruktur Pelabuhan Chancay, Malaysia berharap dapat menyumbang kepada projek ini dan pada masa yang sama memperkukuhkan kehadiran produk halal Malaysia di rantau ini," kata Anwar selepas pertemuan bersama Presiden Peru, Dina Ercilia Boluarte Zegarra di Istana Kerajaan Peru, hari ini.

Anwar sebelum itu diberi sambutan negara di pekarangan Istana Kerajaan Peru.



Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim. - Foto BERNAMA

Kedua-dua pemimpin kemudian mengadakan mesyuarat tertutup sebelum disusuli dengan mesyuarat bilateral.

Turut sama adalah Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air Akmal Nasrullah Mohd Nasir dan Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam Datuk Seri Huang Tiong Si.

Kedua-dua pemimpin kemudian menyaksikan pertukaran tiga Memorandum Persefahaman (MoU) iaitu membabitkan kerjasama dalam industri halal antara Perbadanan Pembangunan Industri Halal Malaysia (HDC) dengan Suruhanjaya Penggalakan Eksport dan Pelancongan Peru (PROMPERU), kerjasama dalam bidang pertanian antara Institut Penyelidikan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dengan

Institut Inovasi Pertanian Kebangsaan (INIA) dan kerjasama dalam bidang gastronomi antara Taylor's University dengan Pusat Latihan Pelancongan Peru (CENFOTUR).

Anwar berkata, Malaysia dan Peru juga mengakui kepentingan pertumbuhan perdagangan dua hala melalui Perkongsian Komprehensif dan Progresif Trans-Pasifik (CPTPP) yang menjadi asas kepada perjanjian perdagangan antara kedua-dua negara.

Di bawah pelan pembangunan itu, Malaysia akan memberi fokus kepada memperluaskan rangkaian halal yang bukan sahaja tertumpu kepada makanan, tetapi juga merangkumi produk kosmetik, farmaseutikal, dan perkhidmatan hospitaliti.

Dengan inisiatif itu, Malaysia berharap dapat membantu memenuhi permintaan yang semakin meningkat dalam kalangan pengguna Muslim di rantau Amerika Latin, yang semakin peka terhadap produk halal.

Pelabuhan Chancay yang terletak berhampiran ibu kota Peru, Lima, kini sedang dibangunkan sebagai satu daripada pelabuhan utama yang menghubungkan perdagangan global ke Amerika Latin.

Malaysia melihat potensi besar untuk turut serta dalam pelaburan infrastruktur pelabuhan tersebut, yang dijangka dapat mempercepatkan pengedaran produk halal ke pasaran yang lebih luas.

Anwar juga menyatakan hasrat Malaysia untuk memperluas kerjasama dalam pelbagai sektor lain seperti pertanian, keselamatan makanan, dan pendidikan, selain menyokong usaha Peru dalam meningkatkan daya saing sebagai hab perdagangan di rantau ini.

Selain itu, beliau turut menekankan kepentingan forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) sebagai platform penting untuk mempromosikan perkongsian ekonomi, inklusiviti, dan pembangunan mapan bagi negara-negara serantau.

Lawatan rasmi itu dijangka akan membawa impak positif kepada hubungan Malaysia-Peru, bukan sahaja dari aspek perdagangan tetapi juga dalam mempromosikan Malaysia sebagai peneraju dalam industri halal global.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/11/2024	BULETIN TV3	ONLINE	

Malaysia mahu Peru jadi pintu masuk produk halal Malaysia ke pasaran Amerika Latin



LIMA: Malaysia membayangkan penubuhan ekosistem halal di Peru dengan memanfaatkan pembangunan Pelabuhan Chancay sebagai laluan strategik untuk mengeksport produk halal negara menembusi pasaran Amerika Latin.

Menurut Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, perkara itu disuarakan kepada Presiden Peru, Dina Ercilia Boluarte Zegarra dalam mesyuarat dua hala sempena lawatan rasmi sulung ke rantau Amerika Latin sejak memegang jawatan tersebut pada 2022.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, Malaysia menyedari kepentingan Pelabuhan Chancay yang baharu dibangunkan dan berharap dapat menyumbang kepada pembangunan infrastruktur di pelabuhan tersebut.

“Kami berharap dapat bekerjasama lebih lanjut dalam pelaburan, perdagangan, pelabuhan (Chancay) dan sektor tenaga (di Peru) dan juga (kerjasama Peru dalam) sektor ekonomi di Malaysia,” katanya pada sidang media bersama selepas mesyuarat kira-kira setengah jam itu.

Ujarnya, mesyuarat berkenaan adalah rentetan daripada pertemuan pertama mereka di luar Minggu Pemimpin-Pemimpin Ekonomi Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) di San Francisco, Amerika Syarikat pada November 2023.

Sementara itu, Anwar berkata, Dina Ercilia menerima jemputannya untuk berkunjung ke Malaysia yang dijangka berlangsung pada akhir tahun ini.

“Kedua-dua negara mempunyai hubungan diplomatik yang sangat baik dengan ulang tahun ke-40 hubungan terjalin.

“Saya telah menjemput Presiden Dina untuk melawat Malaysia dan beliau bersetuju untuk melawat (Malaysia) menjelang akhir tahun ini,” katanya.

Terdahulu, Anwar diberi sambutan negara di pekarangan Istana Kerajaan Peru.

Kedua-dua pemimpin kemudian mengadakan mesyuarat tertutup sebelum disusuli dengan mesyuarat bilateral yang turut dihadiri Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan serta Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Datuk Seri Tengku Zafrul Abdul Aziz.

Turut sama adalah Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Akmal Nasrullah Mohd Nasir serta Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Datuk Seri Huang Tiong Si.

Kedua-dua pemimpin kemudian menyaksikan pertukaran tiga Memorandum Persefahaman (MoU) iaitu melibatkan kerjasama dalam industri halal antara Perbadanan Pembangunan Industri Halal Malaysia (HDC) dengan Suruhanjaya Penggalakan Eksport dan Pelancongan Peru (PROMPERU).

MoU lain termasuk kerjasama dalam bidang pertanian antara Institut Penyelidikan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dengan Institut Inovasi Pertanian Kebangsaan (INIA) serta kerjasama dalam bidang gastronomi antara Taylor's University dengan Pusat Latihan Pelancongan Peru (CENFOTUR).

Lima, ibu negara Peru dengan populasi 11.36 juta, menjadi tuan rumah mesyuarat APEC buat kali ketiga selepas 2008 dan 2016.

taip untuk carian

EKONOMI

MALAYSIA HARAP DAPAT MENYUMBANG BAGI PEMBANGUNAN INFRA PELABUHAN CHANCAY, PERU – PM ANWAR

🕒 14/11/2024 08:54 AM



Daripada M.Saraswathi

LIMA (Peru), 14 Nov (Bernama) — Malaysia berharap dapat menyumbang dalam usaha pembangunan infrastruktur di Pelabuhan Chancay yang terletak kira-kira 80 kilometer ke utara Lima, ibu negara Peru, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata dengan memanfaatkan infrastruktur pelabuhan
untuk mempromosikan perdagangan antara Malaysia dan Peru dalam pembangunan infrastruktur

halal di Peru, sekali gus menjadikan negara berkenaan sebagai pintu masuk bagi produk-produk Malaysia ke Amerika Selatan.

“Kita menyedari kepentingan Pelabuhan Chancay yang baru dibangunkan ini. Oleh itu, Malaysia berharap dapat menyumbang kepada pembangunan infrastruktur di pelabuhan ini,” kata beliau selepas mengadakan mesyuarat dua hala dengan Presiden Peru Dina Ercilia Boluarte Zegarra, di Istana Kerajaan di sini, pada Rabu (waktu tempatan).

Perdana Menteri sebelum itu turut diberi sambutan negara di Istana Kerajaan Peru.

Anwar yang juga Menteri Kewangan, dalam rangka lawatan rasmi ke negara Amerika Selatan itu, termasuk bagi menyertai Mesyuarat Pemimpin-Pemimpin Ekonomi Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik atau APEC (AELM) kali ke-31 dari 14-16 Nov, 2024.

Perdana Menteri yang tiba di sini pada 12 November lepas, diiringi oleh Menteri Luar Datuk Seri Mohamad Hasan dan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Mengikut laporan, kompleks Pelabuhan Chancay bernilai US\$3.5 bilion itu dijangka menjadi hab utama bagi perdagangan antara Amerika Selatan serta China dan pelabuhan mega itu turut mendapat suntikan pembiayaan dari Beijing.

Mengulas selanjutnya, Anwar berkata pertemuan dengan pemimpin Peru itu adalah susulan daripada pertemuan pertama mereka di luar Minggu Pemimpin Ekonomi APEC di San Francisco, Amerika Syarikat pada November 2023.

“Oleh itu, saya gembira dapat bertemu semula Presiden di Lima untuk meneruskan perbincangan. Ini juga merupakan lawatan pertama saya ke rantau ini sejak memegang jawatan ini,” kata beliau.

Sambil menekankan kepentingan Peru sebagai rakan dagang penting untuk Malaysia, Perdana Menteri berkata kedua-dua

bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) dalam usaha meningkatkan perdagangan dua hala serta mencapai pertumbuhan ekonomi.

Nilai perdagangan antara Malaysia dan Peru bagi tempoh Jan-Julai 2024 berjumlah RM1.16 billion, meningkat 36.3 peratus daripada RM847.7 juta dalam tempoh sama pada 2023.

Dalam pada itu, Anwar turut menegaskan komitmen Malaysia untuk terus mengukuhkan hubungan dua hala dan ekonomi dengan Peru.

"Lawatan saya ke Peru ini adalah bukti komitmen ini. Kita telah berbincang secara panjang lebar yang menyentuh pelbagai aspek potensi kerjasama dalam perdagangan dan pelaburan, pembangunan infrastruktur, industri halal, pertanian, keselamatan makanan dan hubungan rakyat (kedua-dua negara)," kata beliau.

Terdahulu, Anwar dan Dina Ercilia menyaksikan pertukaran tiga Memorandum Persefahaman (MoU), termasuk antara Halal Development Corporation (HDC) dan Suruhanjaya Penggalakan Eksport dan Pelancongan Peru (PROMPERU).

MoU kedua membabitkan kerjasama pertanian antara Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Institut Inovasi Pertanian Negara (INIA) manakala memorandum ketiga antara Taylor's University dan Pusat Latihan Pelancongan Peru (CENFOTUR) berkaitan kerjasama dalam gastronomi.

"Kesemua MoU ini memaparkan komitmen pelbagai pihak berkepentingan untuk mengukuhkan lagi kerjasama antara Malaysia dan Peru.

"Kita yakin apabila ini dimuktamadkan kelak, MoU itu dapat memudahkan cara penglibatan lebih ketara bagi kedua-dua negara," kata beliau.

Selain itu, Perdana Menteri juga menyifatkan APEC, dengan Malaysia antara 12 negara pengasas penubuhan APEC, akan terus menjadi forum yang penting.

Atas alasan itu, kata beliau, Malaysia terus komited dalam

bersama dan memupuk pembangunan inklusif di serata rantau Asia Pasifik.

Peru yang terletak di barat Amerika Selatan, bersempadan dengan Ecuador dan Colombia di bahagian utara serta Brazil di bahagian timur benua itu.

Lima yang mempunyai penduduk seramai 11.36 juta orang, menjadi tuan rumah mesyuarat APEC buat kali ketiga selepas 2008 dan 2016.

APEC merupakan forum antara kerajaan merangkumi 21 negara anggota di Lingkaran Pasifik yang menggalakkan perdagangan bebas di Asia Pasifik.

Ia mewakili hampir 40 peratus daripada penduduk dunia, hampir separuh daripada perdagangan global serta 60 peratus ekonomi global.

-- BERNAMA

KATA KUNCI

anwar ibrahim

peru

pelabuhan chancay

apec

halal

BERITA BERKAITAN



TEKNOLOGI, AI BUKAN SEKADAR AKSES – PM ANWAR

🕒 lalu

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/11/2024	NST	ONLINE	

Anwar: Malaysia plans to make Peru halal product gateway in Latin America [WATCH]



LIMA (Peru): Malaysia has stated its commitment to strengthening economic relations with Peru, including developing Chancay Port as a strategic pathway for the penetration of Malaysian halal products into Latin America.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim, who is on an official visit here in conjunction with the 31st APEC Economic Leaders Meeting (AELM), said Malaysia sees the huge potential for developing a halal ecosystem in Peru.

He said this was not just a trade strategy, but an opportunity to expand cooperation in a region that is increasingly embracing

halal-based products.

"Peru has a strategic geographic location as a main gateway to Latin America. With the development of the infrastructure of Chancay Port, Malaysia hopes to contribute to the project while at the same time strengthening the presence of Malaysia halal products in the region," he said.

Anwar was speaking to reporters after meeting with Peruvian President Dina Boluarte at the Peruvian Government Palace here.

Upon his arrival at the palace, the prime minister was accorded a state reception.

The two leaders then proceeded to hold a closed-door meeting, followed by a bilateral meeting.

Present in the Malaysian delegation were Deputy Energy Transition and Water Transformation Minister Akmal Nasrullah Mohd Nasir and Deputy Natural Resources and Environmental Sustainability Minister Datuk Seri Huang Tiong Si.

Anwar and Boluarte later witnessed the signing of three memoranda of understanding (MoUs).

Two of these were for cooperation in the halal industry between the halal Development Corporation (HDC) and the Commission for the Promotion of Peruvian Exports and Tourism

(PromPeru) and cooperation in the field of agriculture between the Malaysian Agriculture Research and Development Institute (MARDI) and Peru's National Institute of Agricultural Innovation (INIA).

The third was for cooperation in the field of gastronomy between Taylor's University and the Peru Tourism Training Centre.

Anwar said Malaysia and Peru agreed on the importance of growing bilateral trade through the Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership which was the basis for trade agreements between the two nations.

Under this development plan, Malaysia will focus on expanding the halal network, which will not only be limited to food, but will also encompass cosmetic products, pharmaceuticals, and hospitality services.

With this initiative, Malaysia hopes to help meet the growing demand among Muslim consumers in the Latin American region, which is becoming increasingly aware of halal products.

The Chancay Port, located near the Peruvian capital of Lima, is currently being developed as one of the main ports connecting global trade to Latin America.

Malaysia sees great potential in participating in the infrastructure investment for the port, which is expected to accelerate the distribution of halal products to a wider market.

Anwar also voiced Malaysia's intention to expand cooperation in various sectors such as agriculture, food security and education, besides supporting Peru's efforts in increasing its competitiveness as a regional trade hub.

He also stressed on the importance of the Asia-Pacific Economic Cooperation forum as a key platform to promote economic partnerships, inclusivity, and sustainable development.

His official visit is expected to have a positive impact on Malaysia-Peru relations, not only in terms of trade but also in promoting Malaysia as a leader in the global halal industry.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/11/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	30



MOHAMED Omar menunjukkan hasil buah betik dari kebun yang diusahakan di Kampung Banggol Jenerih, Pasir Puteh, Kelantan.
- UTUSAN/TOREK SULONG

Dari hobi, tanaman betik kini jadi sumber pendapatan

PASIR PUTEH: Seorang warga emas tidak menyangka hobi menanam betik di Kampung Banggol Jenerih di sini, membolehkannya meraih pendapatan lebih RM20,000 sebulan.

Mohamed Omar, 66, berkata, peringkat awal dia menanam 30 batang pokok betik jenis Callina bagi mengisi masa lapang dengan perkara berfaedah yang boleh memastikan badannya kekal sihat.

"Semuanya bermula dengan hobi pada lima tahun lalu. Kini saya tidak menangan melayan permintaan pelanggan yang memerlukan buah betik dalam kapasiti yang banyak.

"Saya hanya menjual betik di gerai tepi jalan laluan ke Selising ke Tok Bok, Machang yang merupakan jalan utama untuk ke kawasan hutan lipur Jeram Mengaji," katanya ke-

tika ditemui *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Mohamed berkata, dia turut mengusahakan betik jenis Merah Delima.

Katanya, sehingga kini dia mempunyai 4,000 batang pokok betik jenis Callina dan Merah Delima yang diusahakan di kawasan seluas hampir tiga hektar dengan tuaian sebanyak 400 kilogram sehari.

"Buat masa ini saya dibantu anak dan tiga pekerja untuk menanam serta mengutip hasil.

"Impian saya selepas ini mahu pasaran ke negeri lain, bagaimanapun perlu meningkatkan lagi pengeluaran buah," ujarnya.

Menurut beliau, dia menjual betik itu sekitar RM5 sekilogram dan lebih murah berbanding jualan runcit betik dari varieti yang sama di pasar raya.